

Keputusan mahkamah tak boleh dibahas di Parlimen

Kuala Lumpur: Keputusan membebaskan tanpa melepaskan (DNAA) Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi daripada 47 pertuduhan tidak boleh dibahas dalam sidang khas di Dewan Rakyat, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan, ini kerana platform Parlimen tidak boleh ditukar untuk berperanan sebagai sebuah mahkamah untuk membincangkan mengenai keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap

Ahmad Zahid yang juga Timbalan Perdana Menteri.

“Tak apa itu pandangan anak muda. Kita santuni. Mana boleh kes mahkamah nak runding di Parlimen. Dia kena faham pembahagian kuasa.

“Parlimen bukan mahkamah yang boleh dia tanya soalan dan kita cuba jawab. Sebab Peguan Negara bukan Ahli Parlimen dan bukan menteri.

“Jadi kita boleh harus ada ruang untuk mana-mana ahli Parlimen bertanya. Tetapi jangan ja-

dikan Parlimen itu sidang mahkamah,” katanya kepada pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Sri Petaling, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas gesaan Angkatan Muda Keadilan (AMK) kelmarin, supaya diadakan sidang tergepar Parlimen bagi membahaskan keputusan DNAA terhadap Ahmad Zahid.

Gesaan dibuat Naib Ketua AMK, Atyrah Hanim Razali yang mahu satu tempoh masa perlu

diberikan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk mencari bukti baharu bagi mendakwa semula Ahmad Zahid.

Kepada kenyataan Presiden MUDA, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman yang mengancam akan menarik sokongan kepada Kerajaan Perpaduan, Selasa lalu, Anwar berkata, adalah tidak adil MUDA mengambil pendirian itu kerana keputusan melepas Zahid daripada 47 pertuduhan membatalkan mahkamah.

“Maknanya kalau ugut saya

tak setuju (tiba-tiba) tarik balik (sokongan terhadap kerajaan). Itu bukan bidang saya. Kalau kamu tarik balik pendakwaan kepada (Ahmad) Zahid, kami tak sokong kamu. Jadi maknanya saya mesti dakwa dan hukum?,” katanya.

Menyentuh syor pengasingan kuasa di antara Peguam Negara dan Pendakwa Raya, Perdana Menteri menyatakan komitmen untuk menjayakan hasrat itu namun ia menelan masa lama dan kos tinggi.